

## **HIKAYAT NABI MUSA MUNAJAT (MKM 5623): SATU ANALISIS MORAL**

*SITI FATIMAH BAHARUM*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[fatimahbaharum00@gmail.com](mailto:fatimahbaharum00@gmail.com)

*ZUBIR IDRIS\**  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

*\*Pengarang Perantara*

### **ABSTRAK**

*Hikayat Nabi Musa Munajat* adalah manuskrip keagamaan dan merupakan cerita yang berunsurkan sastera hikayat. Manuskrip ini mengandungi nilai-nilai yang tersendiri dan berkaitan dengan cara hidup masyarakat. Pengamatan yang mendalam dan teliti perlu dijalankan supaya isi-isi tersirat naskhah dapat ditafsir dengan baik. Kajian dilakukan untuk memenuhi tiga objektif utama, iaitu mentransliterasikan naskhah *Hikayat Nabi Musa Munajat*, memperkenalkan naskhah kepada masyarakat dan menganalisis nilai moral yang terdapat dalam naskhah *Hikayat Nabi Musa Munajat*. Bahan kajian yang digunakan iaitu MKM 5623 *Hikayat Nabi Musa Munajat* merupakan manuskrip keagamaan yang diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Kajian menggunakan kaedah kepustakaan dalam menyempurnakan analisis. Penelitian yang terperinci terhadap bahan-bahan rujukan tambahan juga diutamakan supaya analisis yang dilakukan menepati objektif. Dalam menyempurnakan analisis data, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua, iaitu Pengkaedahan Keagamaan dan Pengkaedahan Alamiah. Kajian ini memfokuskan kepada Pengkaedahan Alamiah. Terdapat tiga fokus utama di bawah pengkaedahan ini, iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Firasat dan Pendekatan Moral. Fokus kajian meneliti nilai-nilai moral yang terkandung dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat* yang boleh menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat berdasarkan Pendekatan Moral. Hal ini kerana Pendekatan Moral sangat sesuai digunakan dalam kajian kerana ia berkait rapat dengan peristiwa-peristiwa serta pengalaman atau kehidupan yang dilalui oleh manusia. Dapatan mendapati terdapat pelbagai nilai moral positif dan negatif dalam naskhah yang dikaji ini. Antara moral positif ialah sabar, menunaikan kewajipan dan keinsafan. Nilai moral negatif pula ialah seperti mengumpat, berzina dan derhaka. Naskhah *Hikayat Nabi Musa Munajat* menunjukkan bahawa Allah SWT sentiasa mengasihi hamba-Nya dengan memberi ganjaran dan juga balasan setimpal dengan perbuatannya. Kesimpulannya, diharapkan hasil kajian naskhah ini dapat dijadikan sebagai satu panduan kepada khalayak pembaca dalam menjalani kehidupan.

**Kata Kunci:** Manuskrip; MKM 5623 *Hikayat Nabi Musa Munajat*; Pengkaedahan Alamiah; Moral.

## ***HIKAYAT NABI MUSA MUNAJAT (MKM 5623): A MORAL ANALYSIS***

### **ABSTRACT**

*Hikayat Nabi Musa Munajat* is a religious manuscript and is a story with elements of legend. This manuscript contains values that are unique and related to the way of life of the community. In-depth and careful observation needs to be carried out so that the implied contents of the manuscript can be properly interpreted. The study was carried out to fulfill three main objectives, namely to transliterate the manuscript of the *Hikayat Nabi Musa Munajat*, introduce the manuscript to the community and analyze the moral values found in the manuscript of the *Hikayat Nabi Musa Munajat*. Malay literature is divided into two, modern and traditional Malay literature. The production of literary works reflects Malay history and culture. This study use copy of MKM 5623 *Hikayat Nabi Musa Munajat* as study material. The sample used are religious manuscripts obtained from the National Library of Malaysia. The study uses library methods in completing the analysis. Detailed research on additional reference materials is also prioritized so that the analysis performed meets the objectives. This study use Pengkaedahan Melayu theory introduced by Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu is divided by two, Pengkaedahan Keagamaan dan Pengkaedahan Alamiah. This study concentrate to Pengkaedahan Alamiah. There are three main in Pengkaedahan Alamiah namely Pendekatan Gunaan, Pendekatan Firasat and Pendekatan Moral. This study's goal is to examine the moral precepts found in manuscript which can serve as a guide and a warning to society based on the moral precepts. This is because the moral approach is very suitable to be used in this study because it is closely related to the events and experiences or lives that people go through. The results of the discussion found that there are various positive and negative moral values in the studied manuscript. Among the positive morals are patience, fulfilling obligation and repent. Negative moral values are such as swearing, adultery and rebellion. This manuscript shows that Allah SWT always loves His servant by giving rewards and recompense for his deeds. It is hoped that the results of the study of this manuscript can be used as a guide to the readership in living life.

**Keywords:** manuscript; MKM 5623 *Hikayat Nabi Musa Munajat*; Pengkaedahan Alamiah; Moral.

### **PENGENALAN**

Manuskrip Melayu merupakan antara tinggalan khazanah yang sangat berharga dan merupakan kearifan tempatan orang Melayu. Manuskrip Melayu adalah hasil karya sastera tradisional yang masih wujud hingga kini. Naskhah ini mempunyai nilai yang tinggi kerana ia menjadi warisan yang sudah lama diperturunkan sejak zaman nenek moyang dahulu. Perkataan “manuskrip” berasal daripada bahasa Inggeris “manuscript” yang merupakan gabungan dua perkataan Latin iaitu ‘manus’ dan ‘scriptus’. Manus merujuk kepada tangan, manakala scriptus pula merujuk kepada tulisan (Abu Hasan Sham, 2006).

Manuskrip Melayu wujud dalam kepelbagaian bentuk dan isi serta tersimpan dalam pelbagai koleksi di dalam mahupun di luar negara. Penulisan manuskrip ini dapat dianggap sebagai produk daripada aktiviti dan kemahiran para pangsur, pengarang, penulis, penyalin, pemungut, penyimpan dan pendokumen hasil-hasil sumbangan itu, iaitu warkah, manuskrip, catatan dan sebagainya (Harun Mat Piah, 2016). Kewujudan manuskrip ini telah menambah ilmu kajian sastera Melayu. Tambahan pula, bidang manuskrip Melayu amat luas dan merangkumi pelbagai bidang ilmu. Antaranya termasuklah ilmu agama, sejarah, perubatan,

undang-undang dan lain-lain lagi. Manuskrip bukan sahaja menjadi bahan dokumentasi sejarah yang penting tetapi juga berperanan untuk mendedahkan nilai-nilai moral kepada masyarakat melalui cerita-cerita yang bermanfaat. Nilai-nilai moral yang disematkan dalam naskhah manuskrip akan memberi pengajaran dan teladan yang pantas dicontohi oleh masyarakat. Nilai-nilai moral ini misalnya dapat dilihat menerusi penceritaan dalam manuskrip *Hikayat Nabi Musa Munajat*.

Manuskrip *Hikayat Nabi Musa Munajat* bertemakan keagamaan yang mengisahkan tentang Nabi Musa a.s, yang telah pergi ke bukit Tursina untuk berjumpa dengan Allah SWT. Seterusnya diperihalkan Nabi Musa a.s telah bersoal jawab dengan Allah SWT mengenai pahala, dosa, syurga dan neraka. Dijelaskan dalam soal jawab tersebut bahawa setiap perbuatan yang merangkumi nilai-nilai positif akan memperoleh ganjaran pahala manakala perbuatan negatif pula mendapat balasan neraka. Terdapat banyak soalan yang diutarakan oleh Nabi Musa a.s kepada Allah SWT termasuklah persoalan yang bermain di fikirannya. Allah SWT turut mengingatkan Nabi Musa a.s supaya setiap perkara yang diketahuinya mestilah disebarikan kepada seluruh umatnya sehinggalah umat Nabi Muhammad SAW. Inti pati naskhah ini menunjukkan bahawa terdapat banyak nilai moral yang terkandung dalam hikayat yang boleh menjadi pengajaran dan juga panduan hidup kepada seluruh masyarakat. Sehubungan itu, naskhah manuskrip ini menjadi keutamaan dan tanggungjawab kepada pengkaji untuk meneliti akan persoalan-persoalan yang terkandung dalamnya. Hal ini menuntut kepada kerja-kerja transliterasi naskhah daripada manuskrip yang bertulisan jawi kepada tulisan rumi terlebih dahulu bagi memudahkan penelitian dibuat. Usaha-usaha ini adalah perlu sekali gus dapat meningkatkan penemuan-penemuan baharu yang bermanfaat kepada masyarakat.

Analisis naskhah ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan kepada pendekatan moral. Moral merangkumi segala nilai murni seperti rendah diri, keberanian, berdikari, hemah tinggi, semangat bermasyarakat dan lain-lain lagi. Segala yang berkaitan dengan tata tertib atau tingkah laku dan cara individu ataupun masyarakat mengambil sesuatu keputusan untuk bertindak berdasarkan etika dan nilai-nilai moral disebut sebagai pendekatan moral. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral dalam konteks ini adalah pengiktibaran dan pengajaran iaitu kesedaran untuk berfikir dan bertindak mengambil contoh tauladan atau pengajaran di sebalik sesuatu kejadian atau pengalaman. Pengalaman yang dialami ini akan memberi kesan kepada manusia iaitu positif dan juga negatif. Penulisannya sastera yang menekankan pendekatan moral perlulah mencontohi al-Quran kerana di dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan yang boleh dijadikan teladan dan iktibar kepada khalayak. Kandungan moral dalam hikayat ini mampu menjadi alat pendidikan tidak formal bagi khalayak terutamanya dalam pembentukan akhlak dan etika. Pendekatan moral digunakan bagi menepati objektif kajian iaitu menganalisis nilai-nilai moral yang terkandung dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat* yang dapat dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan semua lapisan masyarakat.

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan kepada penyelidikan lepas, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai kisah nabi. Antaranya ialah kajian Nurul Nasuha Mohd Rosle dan Zubir Idris pada tahun 2018 bertajuk *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan*. Penulisan ini menumpukan terhadap tiga aspek utama dalam teori Pengkaedahan Keagamaan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan seni dan pendekatan masyarakat. Pendekatan dakwah digunakan ketika meneliti nilai-nilai Islam dan juga sejarah asal usul Nabi Adam a.s dalam teks yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Hal ini kerana, nilai kesucian dan juga keistimewaan Islam ini akan terpancar melalui hikayat Nabi ini. Pendekatan yang digunakan ini juga bertujuan untuk menilai sastera sebagai sebuah wadah untuk meningkatkan keimanan dan juga ketaatan setiap insan kepada Allah SWT. Kajian ini

mengangkat karya sastera dan memperlihatkan perkembangan Islam kepada umat Islam supaya dijadikan panduan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, kajian ini berbeza dengan *Hikayat Nabi Musa Munajat* kerana pendekatan yang digunakan berbeza walaupun menggunakan teori yang sama. *Hikayat Nabi Musa Munajat* menggunakan pendekatan moral bagi menganalisis kandungan naskhah tersebut.

Kajian oleh Wan Suhailah Wan Abdul Jalil dan Asmadi Abdul Rahman pada tahun 2020 bertajuk *Analisis Pengajaran dalam Kisah Nabi Saleh dan Kaumnya* pula meneliti dan menganalisis kandungan kisah Nabi Saleh a.s. Sumber utama kajian ini ialah al-Quran dan Hadis serta beberapa buah buku Qasas al-Quran. Hasil kajian yang dilakukan ini mendapati Kaum Thamud merupakan kaum yang sombong dan derhaka kepada Allah SWT. Mereka tidak beriman kepada Allah SWT walaupun diberi kesenangan, kemewahan dan juga kesuburan tanah. Akibat daripada kedegilan dan kesombongan itu, Allah SWT telah memberi azab yang amat dahsyat kepada mereka. Kajian oleh mereka ini juga menjelaskan mengenai kisah Nabi Saleh a.s dan juga umatnya yang dilaknat Allah SWT akibat perbuatan mereka. Menurut pengkaji, pengajaran daripada kisah ini seharusnya diambil oleh umat Islam supaya tidak dilaknat oleh Allah SWT. Kajian ini menunjukkan perbezaan kandungan antara *Hikayat Nabi Musa Munajat* dengan Kisah Nabi Saleh a.s ini. *Hikayat Nabi Musa Munajat* menceritakan mengenai balasan yang diberi oleh Allah SWT ke atas setiap perbuatan manusia.

Kajian oleh Muhamad Khairul Anuar Zulkepli dan Mohd Zulkhairi Abd Hamid pada tahun 2021 yang bertajuk *Unsur Tarbiyah Di Sebalik Gaya Bahasa Dialog Nabi Ibrahim dengan Azar* menggunakan kisah Nabi Ibrahim a.s yang terkandung dalam al-Quran iaitu dialog di antara Nabi Ibrahim a.s dengan Azar. Kajian ini menjadikan al-Quran sebagai sumber primer. Kajian ini menganalisis dan memperhalus keindahan gaya bahasa diantara perbualan Nabi Ibrahim a.s dengan Azar serta unsur tarbiyah yang ada di sebalik gaya bahasa ini. Hasil kajian mendapati gaya bahasanya mempunyai gaya tersendiri dalam menyampaikan mesej seperti gaya bahasa seruan (nida'), nazm, gaya bahasa insya' talabi, gaya bahasa larangan, aspek pengulangan, uslub al-khabar serta muftada' dan khabar. Justeru, kajian ini menjadikan kisah Nabi Ibrahim a.s sebagai kajian dan diteliti dari sudut tarbiyah. Kajian ini lebih memfokuskan mengenai gaya bahasa yang digunakan berbanding *Hikayat Nabi Musa Munajat* yang dikaji mengenai nilai moral yang terkandung di dalamnya.

Nurfitriya Dewi, Wangiman, Adi Warma, Zainur Huda dan Desri Novita (2022) pula telah melakukan kajian bertajuk *Hikayat Nabi Bercukur: Seni dalam Budaya Nusantara*. Menurut pengkaji, *Hikayat Nabi Bercukur* ini adalah sumber ilmu yang berkaitan seni budaya di Nusantara yang mengandungi nilai-nilai keagamaan. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai manuskrip *Hikayat Nabi Bercukur* dan juga fungsi manuskrip. Hikayat ini disifatkan sebagai manuskrip yang popular kerana terdapat banyak salinan manuskrip dalam pelbagai bahasa. Hasil kajian menunjukkan antara fungsi manuskrip ialah memupuk semangat kepahlawanan, fungsi didaktik untuk mengajar Pendidikan Tauhid, sebagai hiburan dan menceritakan mengenai peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Nabi Muhammad SAW. Justeru, kajian ini mendedahkan kepada masyarakat mengenai kisah-kisah nabi. *Hikayat Nabi Bercukur* lebih memfokuskan mengenai fungsi didaktik manakala *Hikayat Nabi Musa Munajat* pula memberi banyak pengajaran dan juga iktibar kepada masyarakat melalui nilai moral.

Berdasarkan aspek moral pula, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan. Antaranya ialah kajian E. Kosasih (2013) bertajuk *Nilai-nilai Moral dalam Karya Sastra Melayu Klasik Islam: Kajian terhadap Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyazan, serta Hikayat Mariam Zanariah dan Nurdin Masri*. Pengkaji telah menggunakan tiga karya sastera untuk meneliti dan dibincangkan dengan lebih mendalam iaitu *Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyazan, Hikayat Mariam Zanariah dan Nurdin Masri*. Karya ini diselusuri mengenai aspek moral yang terkandung dalamnya. Nilai-nilai moral ini boleh dilihat melalui plot, perwatakan, latar dan tema cerita. Aspek moral ini juga dipengaruhi oleh kehidupan masyarakat sezaman itu ketika karya tersebut dicipta. Justeru, sastera Melayu klasik sarat dengan aspek moral kerana ia

mengandungi nilai kemanusiaan yang penting dalam kehidupan. Hikayat ini berbeza dengan *Hikayat Nabi Musa Munajat* yang meneliti nilai moral menerusi perbualan Nabi Musa a.s dengan Allah SWT mengenai balasan kepada perbuatan manusia.

*Peranan Wanita Membentuk Nilai Kemanusiaan dalam Hikayat Khoja Maimun* merupakan kajian Siti Khariah Mohd Zubir Nor dan Suhana Abd Majid pada tahun 2015. Kajian ini menggunakan *Hikayat Khoja Maimun* sebagai bahan kajian. Hikayat ini mempunyai cerita berbingkai di dalamnya iaitu sebanyak 26 buah cerita. Kajian ini melihat peranan watak wanita dalam menonjolkan nilai-nilai kemanusiaan yang dapat diterapkan dalam diri masyarakat. Teori Moral Islam juga digunakan untuk menganalisis teks ini. Hasil kajian mendapati, terdapat sebanyak lima nilai kemanusiaan yang ditonjolkan iaitu nilai kesabaran, nilai hormat-menghormati, nilai bijaksana, nilai kasih sayang dan nilai keadilan. Menurut pengkaji, nilai-nilai ini diharap boleh memberi nilai tambah kepada kaum wanita untuk menghadapi sebarang cabaran dalam meneruskan kehidupan. Kajian ini memfokuskan nilai kemanusiaan yang terkandung dalam watak wanita berbeza dengan kajian yang dilakukan terhadap *Hikayat Nabi Musa Munajat* yang akan menilai secara keseluruhan perkara dan tidak bergantung kepada satu aspek sahaja.

Kajian *Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah dengan Suami'* merupakan penulisan Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Zahir Ahmad pada tahun 2021 pula menggunakan manuskrip *Hikayat Saerah dengan Suami* sebagai bahan kajian dan ditransliterasi sebagai kaedah pertama untuk mendalami naskhah ini. Penyelidik telah menganalisis isi kandungan hikayat ini dan meneliti setiap aspek nilai murni yang terkandung dalam hikayat. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral telah digunakan sebagai pendekatan bagi menganalisis isi yang terkandung ini dengan lebih lanjut. Secara khususnya, nilai ini dilihat dari kehidupan seorang isteri dalam menjalankan peranannya. Antara nilai murni yang dikupas ialah kasih sayang, ketaatan, amanah dalam menjaga harta suami, mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah dan adabberbicara. Justeru, nilai-nilai yang terkandung dalam hikayat ini bertujuan untuk memberi pengajaran kepada khalayak pembaca. Kajian ini lebih menumpukan nilai moral seorang isteri manakala kajian yang akan dilakukan terhadap *Hikayat Nabi Musa Munajat* lebih bersifat umum, yang memberikan tumpuan analisis nilai moral positif dan negatif sebagai seorang Mukmin.

Akhir sekali, kajian oleh Siti Noridayu Abd Nasir dan Hazlina Abdul Halim (2023) bertajuk *Elemen Nilai Murni dalam Hikayat Bayan Budiman*. Kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu elemen nilai murni yang terkandung dalam *Hikayat Bayan Budiman*, penggunaan watak haiwan dalam penulisan hikayat dan pemikiran pengarang serta yang terakhir iaitu pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu (Pengkaedahan Keagamaan) melalui nilai-nilai murni dalam hikayat ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa *Hikayat Bayan Budiman* mengandungi banyakelemen nilai murni yang bertujuan untuk memberi didikan dan juga pengajaran yang baik kepada para pembaca. Berdasarkan penelitian terhadap naskhah juga, penyelidik mendapati bahawa terdapat pelbagai kisah kehidupan manusia iaitu baik dan juga buruk yang didedahkan dalam hikayat ini melalui kehadiran Burung Bayan untuk menyedarkan manusia. Justeru, jelaslah bahawa nilai-nilai murni ini diteliti menerusi Pengkaedahan Keagamaan dan dikaitkan dengan kehidupan manusia yang terkandung dalam hikayat ini. Kajian ini menggunakan Burung Bayan Budiman sebagai bayangan manakala kajian berdasarkan *Hikayat Nabi Musa Munajat* pula menceritakan kehidupan lepas mati manusia iaitu hukuman ke atas perbuatan di dunia.

Walaupun terdapat banyak kajian transliterasi dan analisis teks manuskrip lama mengenai kisah nabi dan analisis moral, namun kajian teks terhadap *Hikayat Nabi Musa Munajat* masih belum dikaji. Oleh itu, kajian terhadap *Hikayat Nabi Musa Munajat* ini dikaji bagi meneliti nilai-nilai moral yang terkandung dengan menggunakan pendekatan dakwah.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian melibatkan manuskrip *Hikayat Nabi Musa Munajat* (MKM 5623) yang diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia. Manuskrip ini dipilih kerana teksnya berada dalam keadaan sempurna, mudah dibaca selain belum ada kajian yang dibuat terhadap manuskrip ini. Setiap data yang diperoleh menerusi manuskrip ini diteliti dan seterusnya dianalisis berdasarkan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data dilakukan dengan melibatkan beberapa proses, iaitu; (1) Pembacaan secara berulang-ulang ke atas manuskrip *Hikayat Nabi Musa Munajat* untuk mengenal pasti kata kunci yang berkaitan dengan unsur moral; (2) Mencatat dan menulis unsur moral sama ada yang positif atau negatif yang terdapat dalam manuskrip yang dikaji; (3) Menganalisis unsur moral yang terdapat dalam manuskrip berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) yang mengfokuskan kepada pendekatan moral. Pendekatan ini bertujuan untuk meneliti nilai-nilai moral yang terkandung dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat*. Selain sumber primer kajian berupa naskhah manuskrip *Hikayat Nabi Musa Munajat*, buku-buku tambahan juga diperoleh daripada beberapa buah perpustakaan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

## TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Bagi tujuan analisis, pendekatan yang digunakan untuk mengkaji naskhah *Hikayat Nabi Musa Munajat* ialah pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini dimulakan oleh Hashim Awang yang merupakan seorang sarjana dan pengkritik di tanah air dan diperkenalkan pada tahun 1989. Muhd Norizam Jamian dan rakan-rakan (2023) mengatakan teori ini merangkumi semua aspek kehidupan manusia termasuk gaya hidup, kepercayaan dan budaya dalam masyarakat Melayu.

Menurut Hashim Awang dalam Muhammad Amirun Mohd Radzi dan Zubir Idris (2022), Teori Pengkaedahan Melayu termasuk ke dalam golongan teori yang dikenali sebagai *grounded theory* atau teori beralas atau berlandas yang berbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif, di dalamnya terbangun rumusan atau formula yang berupa prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastera dan amalan-amalan yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu. Menurut Jumali Hj. Selamat (2009), teori ini menjadikan alam sebahagian daripada kehidupannya yang mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan juga pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah ini berteraskan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebahagian daripada dirinya (Jumali Hj. Selamat, 2009). Pendekatan ini dipecahkan kepada tiga iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Dalam konteks kajian ini, perbincangan hanya akan memfokuskan kepada pendekatan moral sahaja.

Pendekatan moral timbul dari tanggapan dasar yang dipegang dalam pendekatan gunaan iaitu sastera bukan sekadar dianggap sebagai objek alam tetapi merupakan kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup (Che Abdullah Che Ya, 2018). Terdapat juga beberapa aspek penting yang ditekankan dalam pendekatan moral ini. Nilai-nilai Islam seperti berakhlak mulia sering ditekankan dan dijadikan sebagai nilai moral yang berhubung kait dengan ajaran agama. Isu-isu sosial yang semakin berleluasa kini turut dikaitkan dengan realiti kehidupan sekarang yang sarat dengan cabaran dan perlu diatasi dengan pengamalan nilai-nilai moral dan etika yang betul. Di samping itu, pendekatan moral disamakan juga dengan pendidikan moral yang sememangnya berfungsi sebagai alat pendidikan. Masyarakat sentiasa diingatkan mengenai tanggungjawab moral terhadap diri sendiri dan juga masyarakat. Secara tidak langsung, perkara ini dapat memberi penekanan terhadap wujudnya timbang rasa dalam mengutamakan sikap moral dalam diri setiap individu. Pendekatan moral yang diajukan oleh Hashim Awang ini bertujuan untuk membina masyarakat yang lebih baik dengan menggabungkan nilai-nilai moral dan juga hubungannya dengan nilai-nilai agama. Moral yang tinggi sangat penting kerana ia menjadi kunci bagi

mencapai kehidupan yang lebih bermakna. Bersesuaian dengan kandungan naskhah, pendekatan moral digunakan untuk mengkaji naskhah *Hikayat Nabi Musa Munajat* kerana ia berkaitan dengan peristiwa-peristiwa serta pengalaman atau kehidupan yang dilalui oleh manusia. Pengalaman dan juga peristiwa dalam kehidupan ini boleh dinilai dari segi nilai-nilai moralnya sama ada baik ataupun buruk.

### **NILAI MORAL POSITIF DALAM MKM 5623 HIKAYAT NABI MUSA MUNAJAT**

Nilai moral positif adalah nilai-nilai ataupun keperibadian baik yang perlu dicontohi oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini kerana, nilai moral positif perlu ada dalam diri setiap individu bagi membentuk akhlak yang baik dan menjadi manusia yang cemerlang. Antara nilai moral positif yang dapat dikesan dalam naskhah ini ialah keinsafan, kesabaran dan menunaikan kewajipan sebagai Mukmin.

#### **Keinsafan**

Taubat didefinisikan sebagai sesal akan dosa dan juga perbuatan jahat serta berazam tidak akan berbuat dosa lagi. Taubat juga adalah perasaan tidak senang ataupun rasa kesal kerana telah melakukan kesalahan dan berazam tidak akan mengulanginya lagi. Insaf mempunyai makna yang sama dengan taubat kerana ia bermaksud seseorang individu ini menyesal dan tidak mahu mengulangi perbuatan salahnya lagi.

Dalam konteks agama Islam, setiap individu diberi peluang kedua untuk memperbaiki diri setelah melakukan pelbagai jenis kejahatan. Hal ini kerana, Islam itu tidak kejam dan bersedia menerima semula umatnya yang sudah menyedari akan kesilapan diri. Walau sejauh mana sekalipun individu itu, dia berhak untuk bertaubat asalkan sudah berazam untuk tidak lagi melakukan perbuatan yang mungkar. Namun begitu, seandainya seseorang individu itu bertaubat kerana manusia dan tidak ikhlas, taubatnya tidak akan diterima oleh Allah SWT. Hal ini kerana, individu itu masih belum benar-benar menyesali perbuatannya itu. Tindakan berpura-pura hanya bertujuan untuk mengambil hati manusia kononnya telah menyesali perbuatan jahatnya itu. Terdapat beberapa syarat bertaubat yang perlu ditepati oleh individu yang sudah menyesali terhadap perbuatan lampayunya. Antaranya ialah ikhlas bertaubat kerana Allah SWT, sentiasa mendampingi orang-orang yang soleh dan juga tidak pernah berputus asa memohon ampun untuk mendapat rahmat Allah SWT.

Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran surah Taha ayat 82 yang bermaksud, “Dan sesungguhnya Aku yang amat memberi ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh, kemudian ia tetap teguh menurut petunjuk yang diberikan kepadanya.” Firman Allah SWT ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT sentiasa menerima taubat hamba-hamba-Nya yang bertaubat dengan ikhlas dan sentiasa memohon keampunan kepadanya. Allah SWT sentiasa mengampuni hamba-Nya yang sudah sedar dan hendak pulang ke pangkal jalan bagi menyucikan diri atas dosa-dosa yang pernah dilakukan.

Dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat* ada dinyatakan perihal berkaitan dengan persoalan taubat. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

/Maka sembah Nabi Musa, “Ya Tuhank(u)! Apa akan pahalanya orang yang bertaubat daripada sekalian d(o)sanya?” Maka [p](f)irman Allah Ta’ala, “Ya Musa! Ak(u) lepaskan orang itu daripada api neraka dan Ak(u) mas(u)akkan ia ke dalam sy(u)rga Jannatul Naim”.

(MKM 5623: 22)

Petikan teks tersebut menjelaskan mengenai pahala orang yang bertaubat memohon ampun kepada Allah SWT atas segala dosa-dosanya. Orang itu akan dihindarkan daripada api

neraka dan dimasukkan ke dalam syurga Jannatul Naim. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa orang yang bertaubat akan terlepas daripada api neraka dan dimasukkan ke dalam syurga. Syurga Jannatul Naim adalah syurga yang penuh dengan kenikmatan iaitu nikmat zahir dan juga nikmat batin. Sehubungan itu, setiap muslim haruslah bertaubat dan memohon keampunan setelah melakukan dosa kepada Allah SWT. Ganjaran yang besar akan dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia yang bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Allah SWT tidak pernah memperlakukan umatnya secara tidak adil namun membalas segala perbuatan dengan setimpal bahkan ganjaran yang lebih kepada umat yang menurut perintah-Nya.

Setiap umat Islam hendaklah sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT supaya setiap kemungkaran yang dilakukan itu dipadamkan titik gelap di hati. Namun begitu, individu yang melakukan kesalahan tersebut mestilah benar-benar bertaubat dan menyesali segala tingkah lakunya dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi. Individu tersebut mestilah insaf kerana berdosa dengan Allah SWT bukannya kerana malu dengan manusia. Sifat malu tersebut tidak akan kekal lama dan memungkinkan individu untuk melakukan semula perbuatan mungkar yang pernah dilakukannya itu. Dalam konteks pendekatan moral yang digunakan dalam perbincangan ini, ia dapat membantu penelitian nilai-nilai yang boleh diamalkan oleh masyarakat seperti nilai keinsafan ini. Nilai keinsafan membantu menyedarkan masyarakat daripada melakukan perbuatan yang dicegah serta merosakkan diri. Individu juga diharap akan menjadi lebih prihatin terhadap penderitaan orang lain dan berusaha untuk membantu mereka. Keinsafan juga menjadi langkah yang penting untuk memperbaiki diri supaya individu tidak mengulangi kesalahan yang sama. Nilai keinsafan berdasarkan pendekatan moral bukan sahaja membantu individu memperbaiki diri, tetapi jugamembentuk masyarakat yang lebih beretika, harmonis dan bertanggungjawab. Jelaslah bahawa nilai keinsafan adalah nilai moral yang perlu ada dalam setiap diri masyarakat supaya tidak terus bergelung dalam kejahatan dan kembali ke pangkal jalan.

### **Kesabaran**

Mustafa Haji Daud (1995) menjelaskan bahawa ketinggian budi bahasa masyarakat Melayu begitu menonjol apabila mereka memiliki sifat sabar. Nilai kesabaran merupakan nilai yang mesti ada dalam diri setiap insan. Hal ini kerana, sifat ini penting dalam mengawal tingkah laku dan sikap seseorang. Sabar juga mampu membantu seseorang untuk mengawal emosi daripada melakukan sebarang situasi yang boleh mencetuskan pergaduhan. Individu yang tidak memiliki nilai sabar mudah bertindak mengikut perasaan tanpa memikirkan akibat akan tindakan tersebut. Menurut Zulhammi (2016), terdapat beberapa bentuk sabar. Antaranya ialah sabar terhadap ujian supaya jiwa bersedia untuk menghadapi dugaan yang datang. Bentuk sabar yang kedua pula ialah sabar terhadap dorongan hawa nafsu iaitu menahan emosi dalam menghadapi lawan. Bentuk yang ketiga pula ialah sabar dalam mentaati perintah Allah SWT.

Bentuk-bentuk sabar tersebut menjelaskan betapa pentingnya sikap sabar ini dalam membentuk keperibadian seseorang supaya menjadi insan yang mulia. Tambahan pula, nilai sabar ini juga mengajar individu untuk menjadi lebih kuat dalam menghadapi dugaan kehidupan serta membina jiwa individu untuk menjadi lebih kental dan kuat. Mumu Zainal Mutaqin (2022) menyatakan sabar ini mempunyai banyak makna. Antaranya ialah tabah dalam menghadapi musibah, sabar dalam menghadapi kenikmatan, sabar dalam peperangan, sabar dalam menahan amarah, sabar dalam menghadapi bencana, sabar terhadap kemewahan, sabar dalam menerima yang sedikit dan sebagainya. Ujian dan cubaan itu merupakan sesuatu yang wajar dalam hidup ini. Allah Maha Mengetahui terhadap kemampuan hamba-Nya dalam menanggung cubaan (Siti Khariah Mohd Zubir Nor, 2015). Dapat dilihat bahawa sabar menahan marah juga merupakan perkara yang perlu ditekankan. Hal ini kerana ia berkait dengan nafsu dan juga perasaan. Nafsu akan menguasai perbuatan manusia dan hanya boleh dikawal menggunakan akal yang waras. Jika tidak perkara yang sebaliknya akan berlaku iaitu



perbuatan manusia dikawal oleh nafsu bukan lagi akal. Jelaslah sikap sabar ini dapat mendorong seseorang untuk terus bersikap reda dan menerima ketentuan daripada bertindak untuk mempersoalkan takdir.

Dalam Islam juga turut diterangkan mengenai pentingnya untuk mengamalkan sikap sabar dalam kehidupan. Hal ini kerana, setiap Mukmin perlu menjaga hubungan silaturahim antara satu sama lain. Sifat sabar ini jelas mampu menjadikan setiap Mukmin itu menjadi lebih baik kerana tidak bertindak mengikut perasaan dan terburu-buru. Seandainya berlaku pergaduhan, kesabaran yang ada dalam diri mampu menghalang individu daripadamencetuskan pergaduhan ataupun perbalahan yang seterusnya menyebabkan diri dikawal olehsyaitan. Sifat sabar ini perlu dipraktikkan dan diamalkan dalam apa jua situasi sekalipun. Hal ini kerana, setiap manusia diuji dengan pelbagai-bagai ujian tanpa mengira latar belakang. Setiapujian yang datang perlulah dihadapi dengan penuh kesabaran dan tanpa sebarang pertikaian terhadap kuasa Allah kerana setiap ujian yang datang pasti mempunyai jalan penyelesaian.

Ganjaran kepada orang yang bersabar dapat dilihat dalam petikan teks *Hikayat Nabi Musa Munajat* seperti berikut:

Maka sembah Nabi Musa, “Ya Tuhank(u)! Apa akan [f](p)ahalanya orang yang menahani h(a)tinya marah tatkal(a) ia keh(i)langan suatu akan hartanya?” Maka [p](f)irman Allah Ta’ala, “Ya Musa! Ak(u) ampuni segal(a) d(o)sanya / orang itu dan j(i)kal(a)u sebanyak rambut kepalanya dan sebanyak bulu rom(a) kepada tub(u)hnya pun Ak(u) ampuni jua akan dia.”

(MKM 5623: 14-15)

Petikan tersebut menunjukkan mengenai Nabi Musa a.s yang bertanya kepada Allah SWT akan ganjaran yang diterima oleh orang yang menahan marah kerana kehilangan harta benda. Allah SWT memberitahu bahawa ganjaran kepada orang tersebut adalah diampunkan segala dosanya walau banyak mana sekalipun. Kehilangan harta benda adalah dugaan yang besar bagi individu yang berada dalam kesusahan. Kesukaran ini pasti dirasai dan menjadi beban kepada mereka untuk meneruskan hari-hari mendatang. Namun begitu, individu yang berjaya menahan amarah dan tidak mempersoalkan takdir yang menyimpannya akan diberi ganjaran kelak oleh Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa individu yang bersikap sabar dan reda dalam menerima ketentuan yang terjadi kepadanya akan menerima ganjaran kelak di akhirat. Ujian yang menyimpannya di dunia ini bertujuan untuk menguji keimanan dan kesabaran individu tersebut. Perkara tersebut juga menunjukkan bukti keimanan dan ketakwaannya kepada Allah SWT kerana redha menerima takdir. Melalui pendekatan moral, nilai kesabaran ini dapat membentuk masyarakat menjadi insan yang berkeperibadian mulia dan mampu mengawal diri. Hal ini menjadikan masyarakat mampu bersikap waras ketika berada dalam situasi yang mencabar dan boleh membuat keputusan yang bijak dan rasional. Individu juga tidak mudah berputus asa dan terus berusaha mencari jalan penyelesaian kerana sabar dapat membantu individu untuk kekal tenang dan tidak tertekan dengan situasi yang berlaku. Pengamalan nilai sabar dalam kehidupan seharian turut membantu kehidupan seseorang individu menjadi lebih bermakna dan teratur. Jelaslah bahawa nilai sabar ini adalah moral yang tinggi dan berkait dengan keimanan dan juga kepercayaan kepada perancangan Allah SWT.

### **Menunaikan Kewajipan Sebagai Mukmin**

Setiap Mukmin haruslah mentaati Rukun Iman dan juga Rukun Islam. Menurut Eizah Mat Hussain et. al. (2021), taat bererti menjalankan tanggungjawab yang diberikan dan mengikut setiap arahan yang diperintahkan dengan jujur, setia, amanah dan menurut kata. Hal ini kerana, sebagai orang Islam perlulah mentaati segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Antara perkara yang wajib dilakukan ialah solat, puasa dan berdoa. Terdapat juga beberapa perkara lain yang perlu ditunaikan sebagai orang Islam. Hal ini kerana, setiap perkara

yang dilakukan di dunia ini akan mendapat balasan di dunia dan juga di akhirat kelak iaitu pahala ataupun dosa dan syurga atau neraka. Antara perkara yang menjadi kewajipan sebagai Mukmin termasuklah menunaikan solat dan berpuasa, yang akan dibincangkan selanjutnya:

### **Menunaikan Solat**

Solat merupakan rukun Islam yang kedua yang wajib diamalkan oleh setiap umat Islam. Solat merujuk kepada sembahyang dalam agama Islam. Solat yang dimaksudkan terdiri daripada solat fardu dan juga solat sunat. Solat fardu wajib didirikan oleh setiap umat Islam setelah mencapai umur baligh dan juga bagi muallaf yang telah berhijrah memeluk Islam. Sekiranya ada insan yang meninggalkan solat maka wajib baginya untuk mengganti semula solat tersebut. Setiap kali menunaikan solat, individu juga akan berdoa memohon kepada Allah SWT. Menurut Nur Syazwani Bederohisam dan Zubir Idris (2020), antara cara umat Islam mendekati diri dan menyatakan perhambaan diri kepada Tuhannya ialah dengan berdoa. Manusia sebagai hamba Allah SWT perlu memohon kepada-Nya kerana doa merupakan salahsatu intisari ibadah yang merupakan senjata bagi orang-orang Mukmin.

Solat sunat pula terdiri daripada pelbagai jenis termasuklah solat sunat hari raya dan solat sunat hajat. Antara syarat wajib solat adalah Islam, baligh, berakal dan juga suci daripada haid dan nifas bagi perempuan. Hukum bagi sesiapa yang meninggalkan solat adalah haram dan berdosa. Terdapat dalil mengenai solat yang dapat dilihat seperti berikut:

Ertinya: “Padahal mereka hanya diperintah menyembah Allah SWT dengan ikhlas mentaati-Nya semata-mata kerana agama dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat dan yang demikian itulah agama yang lurus benar.

(Al-Bayyinah:5)

Menerusi dalil tersebut, jelaslah bahawa solat merupakan perintah Allah SWT kepada semua umat-Nya di muka bumi ini dan menunjukkan bahawa Islam ini adalah agama yang lurus. Menurut Mohd Rizal Azman Rifin (2019) dalam *Harian Metro*, menerusi ibadah solat, ia mengajar Mukmin supaya bijak menguruskan masa. Sebarang kecuaiian akan memberikan kesan buruk kepada catatan amal. Selain itu, mendirikan solat juga memberi makna bahawa seseorang berusaha untuk menjadi Mukmin yang berpegang kepada amanah dan menepati janji kepada Allah SWT (Mohd Rizal Azman Rifin, 2019).

Dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat*, pengarang ada menukilkan perintah Allah untuk menunaikan solat fardhu. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Maka sembah Nabi Musa, “Ya Tuhanku! Apala(h) akan pahalanya orang sembahyang lima wakt(u).” Maka [p](f)irman Allah / Ta’ala, “Ya Musa! Orang it(u)lah yang bercahaya(-)cahaya m(u)kanya dan Ak(u) ampuni sekalian d(o)sanya kepada hari kiamat dan Aku beri rahmat akan dia dalam dunia pada hid(u)pnnya datang kepada matinya.”

(MKM 5623: 8)

Petikan tersebut menceritakan mengenai Nabi Musa a.s yang bertanyakan perihal pahala orang yang menunaikan solat lima waktu. Ganjarannya adalah mukanya bercahaya, dosanya diampunkan oleh Allah SWT dan hidupnya sentiasa dalam rahmat Tuhan sehinggalah meninggal. Oleh hal yang demikian, setiap Mukmin haruslah menunaikan kewajibannya kepada Allah SWT dengan melakukan solat fardu lima waktu sehari semalam. Tambahan pula, dengan bersolat akan meningkatkan keimanan seseorang insan. Solat juga menyebabkan individu berpeluang untuk merenung mengenai kehidupannya dan merancang ke arah yang lebih baik. Seseorang individu tersebut akan berusaha untuk memperbaiki diri dan kembali ke jalan yang benar, lantaran ibadat solat yang dapat memberikan kesan kepada pembersihan jiwa daripada dosa-dosa yang dilakukan. Hal ini menyebabkan individu tersebut tidak mudah termakan hasutan syaitan dandidak melakukan perkara yang dilarang dalam agama.

Seterusnya, dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat* turut disebut mengenai solat jenazah. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Maka sembah Nabi Musa, “Ya Tuhank(u)! Apa akan pahalanya orang menyembahyangkan mayat (se)samanya Islam dengan k[a](e)r(a)na Allah Ta’ala?”  
“Ya Musa! Tatkala ia mat(i) segal(a) d(o)sanya Ak(u) ampuni akan dia dan malaikat menyembahyangkan mayatnya serta mem(i)ntakan doa akan dia.”

(MKM 5623: 13)

Petikan tersebut memaparkan kisah Nabi Musa a.s yang bertanya kepada Allah SWT mengenai pahala bagi orang Islam yang melakukan solat jenazah dan berniat kerana Allah SWT. Orang itu akan diampunkan segala dosanya ketika mati dan malaikat akan turut serta sembahyangkan mayat tersebut dan meminta doa baginya. Solat jenazah ini adalah solat yang dilakukan oleh orang yang masih hidup kepada orang yang mati sebelum dikebumikan. Pelaksanaan solat jenazah mendidik nilai-nilai moral dalam diri seperti rasa hormat, empati dan peduli terhadap orang lain sekali gus mengingatkan individu untuk sentiasa berperilaku baik dan saling menolong antara satu sama lain semasa hidup. Solat jenazah turut menyedarkan umat Islam mengenai kematian yang tidak mengenal umur dan siapa. Penekanan kepada setiap umat bahawa setiap orang akan menghadapi kematian dapat mendorong manusia untuk merenung bekal amalan dan persediaan untuk akhirat kelak. Tujuan solat ini dilakukan adalah untuk memohon keampunan serta keredaan bagi si mati. Hukum solat jenazah adalah fardu kifayah dan dilakukan secara berjemaah tetapi tetap sah jika dilakukan secara sendiri. Ibadah solat jenazah ini turut memberi pelbagai pengajaran penting dalam kehidupan. Setiap kewajipan yang dilakukan ini akan menerima balasan pahala di akhirat kelak serta mengingatkan manusia kepada kuasa Allah SWT dan juga kepada kematian. Justeru, jelaslah bahawa solat merupakan kewajipan utama yang perlu ditunaikan oleh umat Islam. Solat adalah perbuatan moral yang menunjukkan ketaatan setiap Mukmin itu kepada Sang Pencipta sekali gus mengubah individu ke arah kebaikan.

### **Puasa**

Berpuasa di bulan Ramadan merupakan Rukun Islam yang mewajibkan semua umat Islam untuk melaksanakannya. Menurut Sumarno Adi Subrata dan Merses Varia Dewi (2017), dalam penerapan puasa Ramadan seorang Muslim diperintahkan untuk melaksanakan perintah dan menjauhi larangan-Nya seperti tidak makan dan minum serta melakukan hubungan intim dengan pasangan pada siang hari bulan Ramadan. Semua bentuk perjuangan setiap Muslim dalam menggapai keredaan Allah pada bulan Ramadan tergolong bentuk ketakwaan sebagaimana tujuan murni dari ibadah tersebut. Menurut Imam Ghazali (1988) dalam Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin (2018), puasa ialah setengah daripada sabar menuntut setiap hamba-Nya supaya bersabar dalam beribadat kepada-Nya.

Seterusnya, bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan dan juga kelebihan bukan sahaja diperoleh di akhirat kelak tetapi untuk urusan dunia juga. Berpuasa di bulan Ramadan adalah kesempatan terbaik untuk kembali ke gaya hidup sihat kerana dengan berpuasa seorang Muslim dapat menyusun semula pola makannya (Sharma, 2007). Berpuasa juga sangat bermanfaat dan membantu pesakit saraf mata, ibu mengandung, pesakit diabetes, obesiti dan pesakit kanser (Sumarno Adi Subrata dan Merses Varia Dewi, 2017). Di samping itu, terdapat juga puasa sunat yang boleh dilakukan selain daripada bulan Ramadan. Antaranya ialah puasa hari Isnin dan Khamis serta puasa hari putih. Ganjaran bagi berpuasa ini sudah semestinya sangat besar dan meningkatkan keimanan dalam diri.

Amalan berpuasa ini juga ada disentuh dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat*. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Maka sembah Nabi Musa, “Ya Tuhank(u)! Apa akan pahalanya orang yang puasa / dengan k[a](e)r(a)na Allah Ta’ala?” Maka [p](f)irman Allah Ta’ala, “Ak(u) memberi anugerah cahaya kepada segal(a) tub(u)hnya dan m(u)kanya serta rahmatK(u) dan tulang[ku] bercahayalah ia di dalam k(u)burnya dan Ak(u) [d](l)ind[i](u)ngi ia daripada api n[a](e)raka pada hari kiamat.”

(MKM 5623: 20)

Petikan tersebut menjelaskan mengenai pahala orang yang berpuasa. Mereka akan diberi rahmat serta anugerah cahaya pada seluruh tubuh dan tulangnya akan bercahaya ketika di dalam kubur. Allah SWT juga akan melindungi golongan ini daripada api neraka pada hari kiamat kelak. Jelaslah bahawa golongan yang berpuasa ini akan diberi ganjaran yang sangat besar kelak. Ketika berpuasa, umat Islam perlu menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa atau mengurangkan pahala. Terdapat banyak dugaan orang berpuasa dan hal ini hendaklah diawasi dengan baik supaya ibadat puasa tersebut tidak menjadi sia-sia. Cabaran dan kesukaran inilah yang menjadikan ganjaran kepada orang berpuasa ini sangat besar. Menahan diri ketika lapar dan dahaga bukanlah merupakan suatu perkara yang mudah bagi orang yang berpuasa. Ia memerlukan disiplin dan semangat yang tinggi untuk mengendalikan hawa nafsu dan juga pelbagai keinginan. Individu juga menjadi lebih prihatin dan peka dengan keadaan orang di sekelilingnya yang kurang beruntung sekali gus mendorong rasa empati untuk membantu golongan yang memerlukan. Jelasnya, puasa mengajar manusia untuk mensyukuri segala nikmat yang diberikan dan menanam sikap bersyukur akan anugerah dan juga rezeki yang diberikan oleh Allah SWT.

Menurut Nur Mohammad Hadi Zahalan (2021) dalam *Mstar*, orang yang rajin berpuasa akan disediakan satu syurga yang dikhaskan untuk mereka yang bernama syurga Ar-Rayyan. Golongan yang berpuasa dengan penuh keimanan dan keikhlasan mereka layak untuk mendapat pelbagai kenikmatan daripada Allah SWT. Berdasarkan pendekatan moral, berpuasa merupakan kewajipan moral kerana ia merupakan rukun yang wajib dipatuhi oleh penganut agama Islam. Berpuasa adalah perintah langsung daripada Allah SWT. Sifat-sifat moral yang lain juga terbina dan membentuk karakter yang baik melalui amalan berpuasa ini. Berpuasa mengajar individu untuk menahan diri daripada keinginan dan juga menguatkan lagi disiplin diri. Justeru, jelaslah bahawa puasa fardu merupakan kewajipan yang perlu dilakukan oleh Mukmin dan juga puasa sunat yang bertujuan untuk meningkatkan lagi keimanan dalam diri setiap Muslim. Puasa adalah perbuatan moral yang penting dalam konteks agama kerana tidak boleh dinilai atau dikritik menggunakan budaya atau agama lain.

## **NILAI MORAL NEGATIF DALAM MKM 5623 HIKAYAT NABI MUSA MUNAJAT**

Nilai moral negatif adalah nilai atau sikap tidak baik yang perlu dijauhi oleh setiap insan. Hal ini kerana nilai ini akan mempengaruhi keperibadian seseorang menjadi tidak berakhlak dan tidak beradab. Antara nilai moral negatif yang terdapat dalam naskhah ini ialah seperti derhaka, mengumpat dan berzina yang akan dibincangkan selanjutnya.

### **Derhaka**

#### **i) Derhaka kepada Ibu Bapa**

Derhaka bermaksud perbuatan seseorang yang melanggar atau tidak patuh akan hukum yang telah ditetapkan. Derhaka juga didefinisikan sebagai tidak taat atau khianat kepada negara, Tuhan, orang tua dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Lawan kepada perkataan derhaka ini adalah taat. Perbuatan derhaka ini melibatkan pelbagai tindakan yang dilakukan yang melanggar kewajipan yang sepatutnya diikuti.

Derhaka boleh terjadi di antara hubungan anak dengan ibu bapa. Ibu bapa merupakan orang tua yang telah diberi amanah untuk menjaga dan membesarkan anak-anak mereka. Ibu bapa sanggup bersusah payah demi memastikan keperluan anak-anak mencukupi. Mereka

memberi sepenuh kasih sayang kepada anak-anak sehingga sanggup untuk menyetepikan keperluan dan kesenangan diri. Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan anak-anak dan berperanan untuk membentuk keperibadian yang mulia dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Oleh hal yang demikian, setiap insan yang bergelar anak perlulah untuk taat dan hormat kepada kedua orang tua mereka.

Mohd Rosli et. al. (2020) menyatakan dalam urusan ketaatan kepada ibu bapa selagi mana tidak melanggar hukum syarak perkara ini adalah wajib. Islam begitu menekankan dalam aspek hormat kepada ibu bapa sehingga Islam menjelaskan bahawa keredaan Allah terhadap seseorang Muslim itu adalah terletak pada keredaan kedua ibu bapanya. Jadi, setiap Muslim haruslah mentaati kedua ibu bapa mereka. Anak-anak perlulah berhati-hati dan menjaga tutur kata supaya tidak mengguris hati ibu bapa. Hal ini kerana, apabila individu itu bersikap kurang ajar, dia dianggap sudah menderhaka kepada orang tuanya. Perbuatan ini termasuklah dengan menengking serta menyalahgunakan kepercayaan ibu bapa. Namun begitu, terdapat juga anak-anak yang sanggup berkasar sama ada secara lisan mahupun secara fizikal terhadap ibu bapanya kerana mahukan kebebasan. Tindakan tersebut jelas sekali sangat biadab dan derhaka kepada orang tuanya sekali gus mengundang azab Tuhan kepadanya.

Allah SWT telah menjanjikan balasan kepada mereka yang menderhaka terhadap kedua-dua orang tua. Dalam konteks *Hikayat Nabi Musa Munajat*, perkara ini dinyatakan pengarang seperti petikan teks berikut:

Maka sembah Nabi Musa, “Ya Tuhank(u)! Apa d(o)sanya orang yang der(h)aka kepada ibu bapanya?” Maka [p](f)irman Allah Ta’ala, “Ya Musa! Ak(u) memberi laknat akan dia dari dunia datang ke akhirat hingga hari kiamat dan tatkal(a) ia dibangk(i)tkan dari dalam kuburnya maka hitam m(u)kanya dan jahat r(u)panya sebaga(i) / haiwan maka di s[y](e)ksa dengan berbaga(i)(-) baga(i) s[y](e)ksanya.”

(MKM 5623: 28)

Petikan tersebut menjelaskan mengenai balasan terhadap orang yang menderhaka terhadap ibu bapanya. Allah SWT akan melaknat orang itu sehingga hari kiamat. Mukanya menjadi hitam pada hari kebangkitan semula dan rupa seperti haiwan dan diseksa dengan pelbagai jenis azab pada hari kiamat kelak. Hal ini jelas menunjukkan bahawa balasan Allah SWT itu pasti kepada orang yang menderhaka kepada kedua ibu bapa. Sikap derhaka kepada ibu bapa menunjukkan tiadanya rasa hormat kepada mereka yang telah berkorban dan memberikan sepenuh kasih sayang sepanjang membesarkan anak-anak. Tindakan ini bukan sahaja mengakibatkan anak-anak yang menderhaka kepada orang tuanya akan mendapat balasan di akhirat tetapi juga di dunia. Kehidupan yang dilalui oleh anak-anak seperti ini tidak mendapat berkat dan kehilangan rahmat-Nya, yang selanjutnya akan mengakibatkan hubungan antara ibu bapa dan anak rosak dan tidak bahagia. Ikatan kekeluargaan yang dibina akan musnah malah keluarga yang dibina tersebut juga akan hilang serinya tanpa ada sikap hormat dan saling menyayangi antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, setiap individu perlulah mempunyai rasa tanggungjawab untuk menghormati dan menjaga hubungan dengan ibu bapa. Nilai hormat perlu dipupuk sejak kecil lagi supaya keluarga yang dibina berada dalam keadaan sejahtera dan bahagia. Oleh itu, setiap Muslim mestilah taat dan menghormati kedua-dua ibu bapa supaya tidak menjadi anak yang derhaka dan hubungan silaturahim itu sentiasa berkekalan.

## **ii)Derhaka kepada Suami**

Selain hubungan antara anak dengan ibu bapa, perbuatan derhaka ini juga dapat dilihat berlaku pada hubungan suami-isteri. Apabila isteri tidak taat dan melanggar cakap suami, perbuatan tersebut disebut derhaka manakala suami yang melakukan kezaliman pula disebut sebagai dayus. Hubungan suami isteri ini semestinya akan diuji dengan pelbagai ujian dan juga

cabaran yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Oleh hal yang demikian, setiap pasangan suami isteri hendaklah bersabar dengan ujian yang menimpa dan menguatkan iman supaya tidak mudah tergoda dengan hasutan syaitan. Antara tindakan yang boleh dianggap isteri derhaka kepada suaminya ialah menyakitihati suami, melayani lelaki lain, keluar rumah tanpa izin dan juga enggan melayan suami. Berkaitan perkara ini, Islam menyarankan kepada suami untuk mengambil tindakan ke atas isteri yang menderhaka. Firman Allah SWT dalam al-Quran surah Al-Nisa' ayat 34 bermaksud, "Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan jika mereka berdegil pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan kalau masih degil pukullah mereka dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya." Firman tersebut menunjukkan bahawa suami boleh memukul isteri untuk tujuan mengajarnya tetapi tidak melampau batas sehingga boleh jatuh kepada hukum dayus.

Dalam *Hikayat Nabi Musa Munajat* terdapat persoalan balasan mengenai isteri yang derhaka. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Maka sembah Nabi Musa, "Ya Tuhank(u)! Apa d(o)sanya perempu(a)n berd(u)sta kepada suaminya dan menyak(i)tkan hat(i) suaminya kepada tiap(-)tiap pagi datang."

Maka [p](f)irman Allah Ta'ala, "Ya Musa! Tatkal(a) j-a-m-h hari kem(u)dian Ak(u) sur(u) paga[t](r) hatinya kepada burung ga[k](g)ak di dalam n[a](e)raka."

(MKM 5623: 26)

Petikan tersebut menerangkan mengenai balasan kepada perempuan yang menipu serta menyakitkan hati suaminya. Allah SWT akan memagarkan hati perempuan itu pada burung gagak dalam neraka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT tidak menyukai perempuan yang menderhaka kepada suaminya. Tambahan pula, syurga wanita yang sudah berkahwin terletak pada suaminya berbeza dengan perempuan yang belum berkahwin yang syurganya masih pada ibunya. Perkahwinan adalah satu perjanjian antara suami dan isteri yang memerlukan kedua-dua pihak untuk saling menjaga antara satu sama lain dan menunaikan tanggungjawab masing-masing. Perbuatan derhaka akan membawa kepada ketegangan dan konflik yang berpanjangan sekali gus menjadi puncanya perceraian berlaku. Kesan derhaka juga tidak hanya kepada pasangan sahaja tetapi turut memberi kesan kepada hubungan kekeluargaan yang terjalin. Balasan kepada perbuatan derhaka sangatlah azab dan hendaklah dijauhi perbuatan ini supaya dijauhkan daripada api neraka. Setiap pasangan suami isteri wajib menetapkan hati kepada Allah SWT dan bersama-sama melakukan amar makruf nahimunkar supaya dimasukkan ke dalam syurga bersama-sama.

Jelaslah bahawa derhaka merupakan salah satu nilai moral negatif yang perlu dijauhkan. Sesungguhnya ia merupakan sesuatu yang mendasari pendekatan moral yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dan juga iktibar. Pendekatan moral menekankan kewajipan dan peraturan moral. Perbuatan derhaka melanggar kewajipan moral untuk sentiasa menghormati ibu bapa dan suami dan tindakan ini membawa kepada akibat yangburuk di akhirat kelak. Perbuatan derhaka turut menunjukkan individu tersebut tidak menjaga hubungan sesama insan dalam komuniti masyarakat dan memecahkan keharmonian yang wujud. Justeru, pendekatan moral menunjukkan bagaimana perbuatan derhaka boleh mengakibatkan kesan yang buruk kepada individu.

### **Mengumpat**

Mengumpat didefinisikan sebagai perbuatan mencela-cela ataupun memburuk-burukkan orang lain serta menyiarkan kesalahan dan aib manusia kepada orang lain di belakangnya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Perbuatan mengumpat merupakan perbuatan yang sangat dilarang bahkan dalam Islam juga diharamkan untuk mengumpat. Hal ini kerana, perbuatan ini akan memberi kesan yang tidak baik kepada individu dan orang sekeliling. Perbuatan ini secara

tidak langsung akan mengguris hati perasaan individu yang diumpat dan menyebabkan individu tersebut makan hati. Perbuatan mengumpat turut menyebabkan individu yang diumpat berasa malu untuk berhadapan dengan orang sekelilingnya. Hal ini kerana, imej dirinya dan nama baiknya tercemar akibat gosip yang tersebar.

Kadang-kala perbuatan ini dilakukan tanpa disedari oleh individu yang bercakap itu sendiri. Hal ini kerana, ia bersifat halus tanpa disedari bahawa perbualan itu sudah membicarakan mengenai topik diri orang lain ataupun dipanggil sebagai mengumpat. Menurut Mohd Khafidz Soroni (2023) dalam *Harian Metro*, jika sudah membicarakan mengenai seseorang dengan perkara yang dibenci dan sekiranya seseorang yang lain mendengar akan perkara tersebut walaupun yang dibicarakan itu benar maka ia dinamakan sebagai mengumpat; tidak kira atas slogan apa pun sama ada untuk memandaikan umat, kembali kepada sunah, demi menegak kebenaran atau sebagainya. Sekiranya menepati definisi mengumpat maka ia tetap dinamakan mengumpat serta berdosa melakukannya (Mohd Khafidz Soroni, 2023). Tambahan pula, sekiranya perkara yang diumpat itu tidak benar ia sudah menjadi perbuatan fitnah yang semestinya perbuatan tersebut dicela. Individu yang melakukan perbuatan ini haruslah bertaubat dan memohon ampun kepada Allah SWT dan juga kepada individu yang diumpat.

Perbuatan mengumpat turut dilakukan dalam aplikasi media sosial. Terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab tanpa segan silu merakam dan menyiarkan video yang bersifat umpatan dan juga fitnah. Video-video ini juga telah mengundang masyarakat yang menonton video tersebut untuk bersama-sama memberi komen dengan melulu tanpa menyelidik terlebih dahulu, yang seterusnya boleh membawa kepada perbuatan memfitnah. Oleh hal yang demikian, perbuatan ini hendaklah dihentikan supaya tidak menjadi ikutan dan membudaya dalam masyarakat, khususnya dalam generasi masa kini. Tambahan pula, media sosial terutamanya 'tiktok' digunakan oleh semua lapisan umur termasuklah remaja. Keburukan perbuatan mengumpat ditekankan secara keras oleh Allah SWT dan disebut dalam al-Quran. Perkara ini dapat dilihat pada petikan firman-Nya seperti berikut:

“Dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengah yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya”.

(Surah al-Hujurat: 12)

Firman Allah SWT tersebut menunjukkan bahawa perbuatan mengumpat diberi persamaan seperti memakan daging saudara sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa perbuatan ini sangat teruk dan dibenci oleh Allah SWT. Jelaslah bahawa untuk menjadi Mukmin yang sejati mestilah menghindarkan diri daripada perbuatan mengumpat ini. Bermula dengan mengumpat boleh terjadinya fitnah yang sama sahaja seperti perbuatan membunuh dalam Islam. Hukuman mengumpat juga sudah pastinya berat dan individu yang melakukannya tidak akan diampuni dosanya melainkan taubat.

Dalam konteks *Hikayat Nabi Musa Munajat*, balasan kepada orang mengumpat dapat dilihat dalam petikan teks berikut:

Maka [p](f)irman Allah Ta'ala, “Ya Musa! Jangan kam(u) mengu(m)pat(-) mengu(m)pat dan mengadu(-)adu (se)samanya Islam. Jika diperbuat yang demikian itu [itu] nescaya mendapat haram akan dia.”

(MKM 5623: 38)

Petikan tersebut menunjukkan larangan Allah SWT kepada Nabi Musa dan juga seluruh umatnya supaya tidak mengumpat dan melaga-lagakan sesama Islam. Jika melakukan perbuatan tersebut maka golongan tersebut akan mendapat dosa dan juga balasan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa individu yang mengumpat akan diberi balasan di akhirat kelak dan juga mendapat dosa. Larangan Allah SWT tersebut haruslah dipegang dan diingati supaya masyarakat sentiasa berhati-hati dalam berbicara lantas dapat mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan keji tersebut.

Oleh itu, masyarakat hendaklah sentiasa bermuhasabah diri supaya tidak mudah berbuat dosa dengan manusia lain. Hal ini kerana, setiap insan mestilah memperbaiki diri terlebih dahulu kerana setiap manusia tidak sempurna serta mempunyai aib masing-masing yang dijaga dan dilindungi. Masyarakat juga perlulah menggunakan media sosial sebaik mungkin supaya tidak menjadi medium penyebaran fitnah dan juga pusat berbuat dosa. Perbuatan mengumpat dilihat sebagai amalan negatif dalam budaya dan ajaran moral. Pendekatan moral menilai tindakan ini berdasarkan hak individu. Perbuatan mengumpat dianggap tidak bermoral kerana melanggar hak individu untuk dihormati dan dilindungi daripada sebarang fitnah. Perbuatan ini juga memberi kesan negatif iaitu menimbulkan konflik serta merosakkan imej individu. Jelaslah bahawa pendekatan ini membantu masyarakat untuk melihat mengapa perbuatan ini perlu dielakkan demi kebaikan setiap individu.

### **Berzina**

Zina merupakan perbuatan yang dilarang dalam Islam. Hal ini kerana perbuatan zina akan mencalarkan maruah dan juga merosakkan nasab keturunan bayi yang lahir. Zina dapat didefinisikan sebagai persetubuhan yang tidak sah atau haram yang dilakukan oleh lelaki dan wanita yang bukan merupakan pasangan suami isteri ataupun disebut sebagai bermukah (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Perbuatan zina adalah sangat dilarang dalam agama dan merupakan perbuatan yang keji di mata Allah SWT.

Menurut Waesul Kurni (2017), zina ini adalah salah satu di antara sebab-sebab dominan yang menyebabkan kerosakan dan kehancuran peradaban, menularkan penyakit-penyakit yang sangat berbahaya, mendorong orang untuk terus-menerus hidup membujang serta mempraktikkan kehidupan bersama tanpa nikah. Dengan demikian, zina merupakan sebab utama daripada kemelaratan, pemborosan, pencabulan dan juga pelacuran. Oleh hal yang demikian, perbuatan zina memberi kesan yang negatif kepada pelaku dan juga menyebabkan kerosakan dalam diri individu tersebut serta menjauhkannya daripada Allah SWT. Dalam Islam juga sudah dinyatakan dalam al-Quran akan larangan zina kepada seluruh umat Islam. Hal ini dinyatakan dalam surah Al-Isra' ayat 32 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu mendekati zina. Zina itu sungguh suatu perbuatan keji dan suatu jalan yang buruk.”

(Surah Al-Isra': 32)

Maksud ayat al-Quran tersebut jelas menunjukkan larangan Allah SWT kepada seluruh umatnya untuk menjauhi zina. Jika dilihat dari aspek hukuman Islam, orang yang berzina hukumannya adalah sebat sebanyak 100 kali sebatan bagi penzina bukan muhsan. Sekiranya penzina muhsan pula, hukumannya adalah rejam dengan batu sehingga mati dan hukuman tersebut haruslah disaksikan oleh orang-orang Islam. Tujuan hukuman ini dilakukan secara terbuka adalah supaya masyarakat mengambil pengajaran ke atas hukuman yang dilakukan tersebut dan tidak sesekali berani untuk mengulanginya. Oleh hal yang demikian, perbuatan zina ini bukan sahaja diberi balasan di dunia tetapi di akhirat kelak.

Dalam naskhah *Hikayat Nabi Musa Munajat*, balasan kepada penzina ada dinukilkan pengarang seperti dalam petikan teks berikut:

Sembah Nabi Musa, “Ya Tuhank(u)! Apa / d(o)sanya orang yang ada isterinya maka ia perg(i) berbuat z(i)na kepada perempu(a)n yang lain?” Maka [p](f)irman Allah Ta’ala, “Ya Musa! Orang it(u)lah Ak(u) mas(u)kkan ke dalam api n[a](e)raka yang bernyala (-) nyala tiada dengan perihal.” Maka sembah Nabi Musa, “Ya Tuhank(u)! Apa d(o)sanya perempu(a)n yang ada suaminya maka ia pergi / berbuat zina pada lak(i)(-) lak(i) yang lain?” Maka [p](f)irman Allah Ta’ala, “Ya Musa! Perempu(a)n it(u)lah yang kena s[y](e)ksa berbag(a)i(-)bag(a)i dan disangkarkan oleh malaikat ke dalam n[a](e)raka yang bernyala(-)nyala itu”.

(MKM 5623: 32-33)



Petikan teks di atas menerangkan mengenai hukuman kepada lelaki yang sudah beristeri tetapi berzina dengan perempuan lain dan juga isteri yang sudah bersuami tetapi berzina dengan lelaki lain. Golongan ini akan dimasukkan ke dalam neraka dan dikurung oleh malaikat dalam neraka. Hal ini menunjukkan bahawa hukuman kepada perbuatan berzina ini adalah neraka dan mendapat dosa besar. Oleh hal yang demikian, masyarakat hendaklah memperbanyakkan berbuat ibadah kepada Allah SWT supaya dapat mengawal nafsu daripada melakukan perbuatan zina. Tambahan pula, zina ini bukan sahaja dilakukan dengan perbuatan bersetubuh tetapi zina juga boleh dilakukan melalui pancaindera. Namun begitu, zina yang melibatkan pancaindera merupakan dosa kecil dan tidak dikenakan hukuman hudud ke atas pelakunya. Walau bagaimanapun, bermula dengan zina pancaindera inilah yang akan mendorong manusia untuk melakukan zina kelamin.

Hal ini bertepatan dengan pepatah Melayu iaitu dari mata jatuh ke hati. Setiap manusia hendaklah belajar mengawal nafsu dan tidak melakukan sebarang perbuatan yang akan membawa diri ke kancah penzinaan. Misalnya, setiap pasangan yang sedang mengenali antara satu sama lain perlulah berkahwin untuk mengelakkan berlakunya zina. Selain itu, zaman yang semakin moden menyebabkan perbuatan yang mendekati zina mudah untuk dilakukan. Hal ini kerana, kemudahan teknologi yang ada turut menjadi penyebab kepada berlakunya zina seandainya tidak digunakan dengan niat yang betul. Berhubung perkara ini, Allah SWT memerintahkan umatnya untuk menundukkan pandangan mahupun lelaki ataupun wanita untuk mengelakkan berlakunya zina yang akhirnya akan memudaratkan diri. Menerusi pendekatan moral, zina dianggap tidak bermoral kerana melanggar aturan ataupun kewajipan yang telah ditetapkan dalam agama. Hal ini kerana zina dilarang dalam agama dan berdosa besar seandainya melakukannya. Justeru, jelaslah bahawa perbuatan zina adalah perbuatan yang tidak baik dan akan mencemarkan imej diri dan juga keluarga.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, naskhah manuskrip *Hikayat Nabi Musa Munajat* ini merupakan satu manuskrip Melayu yang berunsurkan keislaman yang memperihalkan mukjizat Nabi Musa a.s yang merakamkan perbualannya dengan Allah SWT, yang sarat dengan maklumat dalam menyebarkan agama Allah SWT. Kesusasteraan Melayu yang berunsur Islam ini lebih menekankan mesej dan didikan yang disampaikan oleh pengarang, khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan unsur moral untuk diteladani dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian, malah dapat memberikan kesedaran kepada khalayak pembaca untuk mengubah diri kearah manusia yang mukmin.

Analisis yang dilakukan menunjukkan *Hikayat Nabi Musa Munajat* sarat dengan nilai-nilai moral positif dan negatif. Antara nilai moral positif yang dipaparkan dalam naskhah ini adalah seperti nilai keinsafan, nilai kesabaran dan menunaikan kewajipan manakala nilai moral negatif pula adalah seperti derhaka, mengumpat dan perbuatan berzina. Pendekatan moral yang digunakan dalam kajian ini menekankan nilai-nilai mengikut ajaran Islam agar masyarakat sentiasa mentaati perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Nilai-nilai moral ini juga dibina melalui pengalaman hidup yang telah dilalui supaya menjadi iktibar dan juga pengajaran kepada umat Islam. Pengamalan nilai moral adalah sangat penting dan perlu diberi perhatian yang tinggi dalam masyarakat. Hal ini kerana, nilai moral berfungsi sebagai asas kepada tingkah laku yang baik sekali gus mendorong kepada keharmonian masyarakat. Naskhah *Hikayat Nabi Musa Munajat* adalah contoh baik yang perlu diselusuri oleh masyarakat supaya nilai-nilai yang terkandung di dalamnya dapat dijadikan sebagai panduan dalam menjalani kehidupan. Naskhah manuskrip bukan sahaja berperanan sebagai peninggalan sejarah tetapi ia juga menjadi alat pendidikan. Dapat disimpulkan bahawa *Hikayat Nabi Musa Munajat* berperanan penting dalam menghubungkan masyarakat dengan kearifan tempatan yang kaya dengan nilai dan adab.

## RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. 2006. Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia. 10-11 Julai 2006.
- Che Abdullah Che Ya. 2018. Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*. 17(2): 328- 342.
- E. Kosasih. 2013. Nilai-Nilai Moral dalam Karya Sastra Melayu Klasik Islam: Kajian Terhadap *Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyan, Serta Hikayat Mariam Zanariah Dan Nurdin Masri*. *Jurnal Kajian Sejarah Dan Pendidikan Sejarah*. 1(1): 11-26.
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Zahir Ahmad. 2021. Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami'. *International Journal Of The Malay World And Civilization*. 9(2): 15-23.
- Harun Mat Piah. 2016. Kebangkitan Intelektual Alam Melayu Nusantara-Kesannya kepada Pemantapan Epistemology Melayu Tradisional. *Prosiding Seminar Asal-Usul dan Intelektual Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. 7-8 November 2016.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Riviera Bay Resort, Melaka. 28-29 Jun.
- Jumali Hj. Selamat. 2009. Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam *Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah*. *Jurnal Personalia Pelajar*. 12: 19-37.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurni, W. & Mahmuruddin. 2017. Had Zina dalam Perspektif Al-Quran. *Jurnal Al- Ashriyyah*. 4(1): 119-131.
- Mohd Khafidz Soroni. 2023. Memberi Reaksi atau Mengumpat. *Harian Metro*. 2 Julai.
- Mohd Rizal Azman Rifin. 2019. Hikmah Sebalik Bersolat. *Harian Metro*. 23 April.
- Mohd Rosli Saludin & Muhammad Sufi Ahmad Nazri. 2020. Adab Masyarakat Melayu Lama dalam *Hikayat Hang Tuah*. *International Journal of The Malay World and Civilization*. 8(3): 23-31.
- Mohd Shukrey Ahmad & Kamariah Kamarudin. 2018. Nilai Islam dalam Komik Majalah Dewan Pelajar. *Jurnal Melayu*. 17(1): 49-73.
- Muhammad Amirun Mohd Radzi & Zubir Idris. 2022. *Syair Karun dan Nabi Allah Musa: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan*. *Jurnal Melayu*. Isu Khas Disember 2022. 189-213.
- Muhammad Khairul Anuar Zulkepli & Mohd Zulkhairi Abd Hamid. 2021. Unsur Tarbiyah ddi Sebalik Gaya Bahasa Dialog Nabi Ibrahim dengan Azar. *E-Proceedings of International Conference On Language, Education, Humanities & Social Sciences*. Hlm 227-233.
- Muhd Norizam Jamian & Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Aulia Sari Torodji. 2023. Imej Isteri Misali dalam Hikayat Melayu-Islam: Penerapan Metode Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu. *Akademika*. 93(1):237-250.
- Mumu Zainal Mutaqin. 2022. Konsep Sabar dalam Belajar dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Islam. *Journal Of Islamic Education: The Teacher Of Civilization*. 3(1): 2721-2149.
- Mustafa Haji Daud. 1995. *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Mohamad Hadi Zahalan. 2021. Miliki Keistimewaan. Ketahui 5 Puasa Sunat yang Tercatat dalam al-Quran dan Hadis Sahih. *Mstar*. 15 Mac.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris. 2020. *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan*. *Jurnal Melayu*. 19(2):287-305.
- Nurfitriia Dewi, Wangiman, Adi Warma, Zainur Huda & Desri Novita. 2022. *Hikayat Nabi Bercukur: Seni Dalam Budaya Nusantara*. *Borneo: Journal of Islamic Studies*. 3(1): 39-47.

- Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris. 2018. *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. Jurnal Wacana Sarjana*. 2(2): 1-15.
- Sharma, S. 2007. *A Guide to Healthy Fasting*. London: Communities in Action.
- Siti Khariah Mohd Zubir Nor & Suhana Abd Majid. 2015. Peranan Wanita Membentuk Nilai Kemanusiaan dalam *Hikayat Khoja Maimun. Jurnal Peradaban Melayu*. 10: 76-87.
- Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim. 2023. Elemen Nilai Murni dalam 'Hikayat Bayan Budiman. *Jurnal Filologi Melayu*. 30: 9-26.
- Subrata, S. A. & Dewi, M. V. 2017. Puasa Ramadhan dalam Perspektif Kesihatan: Literatur Review. *Jurnal Studi Islam Dan Humaniora*. 15(1): 235-256.
- Terjemahan Al-Quran Al Karim*. 2011. Selangor: Al-Hidayah House of Quran SDN BHD.
- Wan Suhailah Wan Abdul Jalil & Asmadi Abdul Rahman. 2020. Analisis Pengajaran dalam *Kisah Nabi Saleh Dan Kaumnya. Jurnal Al-Sirat*. 18(2): 22-32.
- Zulhammi. 2016. Tingkah Laku Sabar Relevansinya dengan Kesehatan Mental. *Jurnal Darul 'Ilmi*. 4(1): 40-53.

### **Biodata Penulis:**

**Siti Fatimah Baharum** adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (sesi 2021-2024).

**Zubir Idris (PhD)** adalah pensyarah kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan kajian manuskrip Melayu dan historiografi Melayu tradisional.